

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Khamis, 6 April 2017 12:39 ptg
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub
Subject: INASIS MISC ONLINE: GREEN CAMPUS MISC 2017



6 APRIL 2017, KHAMIS | 9 REJAB 1438H



Oleh: Ahmad Asyraf Bin Ahmad Noor Azam

INASIS MISC ONLINE: 56 orang pelajar telah menyertai Program *Green Campus* anjuran Exco Keselamatan dan Kesihatan Inapan Siswa (INASIS) MISC yang diadakan di dewan terbuka INASIS MISC pada 28 Mac yang lalu.

Program ini dijalankan bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar yang menginap di INASIS MISC di samping menerapkan nilai murni seperti menjaga kebersihan, bekerjasama dan bertoleransi antara satu sama lain.

Program tersebut dimulai dengan aktiviti senamrobik dan gotong-royong sebelum memulakan larian mengelilingi kawasan kampus. Aktiviti menanam pokok bunga dirasmikan oleh Encik Azhar Anis Mohammad, Pengetua INASIS MISC bersama pengarah program iaitu Beh Zang Kang.

“Saya mengucapkan tahniah dan berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini dan berharap program sebegini dapat diadakan lagi pada masa akan datang”, kata pengarah program, Beh Zang Kang.

Turut hadir Penolong Pengetua INASIS MISC, Encik Ruzaidi Saad dan Puan Norlia Othman.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

